

Johari ikrar lakukan terbaik hadapi cabaran ekonomi

BH 28/6

Kuala Lumpur: Menteri Kewangan II yang baharu dilantik, Datuk Johari Abdul Ghani berikrar melakukan yang terbaik untuk membantu Perdana Menteri dan negara dalam menempuh cabaran ekonomi semasa.

Beliau berkata, jawatan itu amat men-cabar dan akan menggunakan pengalamannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan yang dipegang sebelum ini serta pembabitan dalam sektor korporat untuk melaksanakan tanggungjawab itu.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian Kewangan.

Lakukan terbaik bantu PM

“Pada saya, pelantikan ini adalah penambahan kepada tanggungjawab sebelum ini dan Insya-Allah saya akan melakukan yang terbaik untuk membantu Perdana Menteri serta negara dalam menempuh cabaran ekonomi semasa,” katanya kepada BH.

Johari dilantik Menteri Kewangan II menggantikan Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah yang menamatkan perkhidmatan sebagai Menteri Kewangan atas sebab peribadi.

Johari mula menyertai Kabinet Datuk Seri Najib Razak selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan pada 28 Jun 2015.

Beliau berkelulusan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan adalah Ahli Felo Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah di England yang diperolehnya pada tahun 1993.



Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian Kewangan. Pelantikan ini adalah penambahan kepada tanggungjawab sebelum ini dan Insya-Allah saya akan melakukan yang terbaik untuk membantu Perdana Menteri serta negara dalam menempuh cabaran ekonomi semasa”

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II